



# UPAH MENURUT AKTA KERJA 1955

## UPAH

ialah gaji pokok dan semua bayaran lain secara tunai kepada pekerja untuk kerja yang dilakukan mengikut kontrak perkhidmatannya.



## UPAH TIDAK TERMASUK 6 PERKARA BERIKUT:



### Nilai Rumah, Bekalan & Kemudahan

Kemudahan yang disediakan bukan secara tunai.

Contoh: tempat tinggal, bekalan makanan, rawatan perubatan atau perkhidmatan yang diluluskan.



### Caruman Oleh Majikan

Contoh: Caruman KWSP, PERKESO, SIP dll. untuk faedah dan kebajikan pekerja.



### Elaun Perjalanan

Elaun perjalanan atau nilai konsesi perjalanan.



### Perbelanjaan Khas

Perbelanjaan khas yang diperlukan kerana sifat pekerjaannya.

Contoh: elaun telefon untuk pegawai pemasaran bagi kegunaan kerjanya.



### Ganjaran Pemberhentian / Persaraan

Ganjaran yang kena dibayar atas pemberhentian atau persaraan.



### Bonus Tahunan

Bonus tahunan atau mana-mana bahagian dari bonus tahunan.